KENYATAAN MEDIA
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SOLIDARITI WARGA KEMAS: RM143,239.00 BERJAYA DIKUMPUL BANTU MANGSA KEBAKARAN KAMPUNG BAHAGIA, SANDAKAN

Saya amat tersentuh dengan semangat solidariti dan kebersamaan yang ditunjukkan oleh seluruh warga Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) melalui inisiatif Kutipan Derma Solidariti KEMAS bagi membantu mangsa kebakaran di Kampung Bahagia, Sandakan, Sabah.

Insiden ini juga turut melibatkan empat orang Pembantu Pendidik Masyarakat Sukarela (PPMS) yang kehilangan tempat tinggal dan harta benda, selain turut menjejaskan 83 orang kanak-kanak daripada empat kelas TABIKA di kawasan berkenaan.

Melalui usaha murni ini, sebanyak RM143,239.00 berjaya dikumpulkan dalam tempoh 2 minggu melalui TABIKA, kelas-kelas kemahiran dan program komuniti KEMAS seluruh negara bagi membantu warga KEMAS yang terjejas akibat insiden kebakaran tersebut.

Bagi saya, musibah ini bukan sekadar kehilangan kediaman atau kemudahan pembelajaran, tetapi turut memberi kesan kepada kelangsungan pendidikan awal anak-anak yang merupakan amanah besar kepada negara. Justeru, bantuan yang disalurkan ini amat penting bagi memastikan kebajikan keluarga yang terjejas terus terbela dan proses pengajaran serta pembelajaran anak-anak TABIKA dapat diteruskan secepat mungkin.

Dana yang terkumpul akan digunakan bagi membantu kelurga kanak-kanak TABIKA dan PPMS di terjejas akibat kebakaran di samping membiayai pembelian peralatan dan bahan pembelajaran bagi kanak-kanak tersebut. Ini bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat diteruskan secepat mungkin demi kepentingan anak-anak didik KEMAS.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga KEMAS, para penyumbang serta semua pihak yang telah bersama-sama menjayakan usaha solidariti ini. Semoga nilai kebersamaan dan keprihatinan ini terus menjadi kekuatan kita untuk meringankan beban rakyat yang memerlukan.

Ahmad Zahid bin Hamidi
Timbalan Perdana Menteri
Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah

8 Mei 2026